

18 FEB 2003

NAM-Filem

FESTIVAL FILEM BAKAL JADI ACARA TAHUNAN

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) yang berakhir hari ini akan dijadikan acara tahunan dengan menekankan tema yang sama iaitu "Kedamaian dan Keharmonian", kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan hasratnya agar festival itu diteruskan dan tidak hanya semasa Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) sahaja.

"Kita telah minta banyak pandangan boleh dikatakan semua bersetuju dengan tema itu bukan untuk kali ini sahaja tetapi bila-bila masa kerana mesej dari filem untuk kedamaian itu sangat penting," katanya selepas merasmikan simposium sehari yang diadakan sempena KLWFF.

Simposium itu bertemakan "Non Violence Non Discrimination" (Bukan Keganasan Bukan Diskriminasi).

Khalil berkata saranan Perdana Menteri itu dilihat sebagai satu arahan dan Kementerian Penerangan akan memulakan perancangan lebih awal untuk memastikan kejayaan festival akan datang.

Beliau percaya festival ini akan menjadi popular dan akan mendapat sokongan dan penyertaan yang lebih ramai dari serata dunia.

"Kita akan mencari jalan dari segi penyenggaraan akhir dan membaca skrip-skrip filem yang dihantar nanti. Ini semua perkara teknikal yang akan dikaji oleh jawatankuasa penganjuran nanti," katanya.

Beliau berkata dari beberapa filem yang ditontonnya sepanjang festival filem ini, beliau mendapati filem-filem yang dihantar menepati tema yang dikehendaki.

Menyentuh tentang simposium itu, Khalil berpuas hati dengan penyertaan lebih 200 peserta dari dalam dan luar negara termasuk pelajar IPT, karyawan filem tempatan dan delegasi.

Pembentangan kertas kerja bertajuk "Inculcating Peace And Harmony Message In Film" dibentang oleh Andrew Vial (Australia), Manuchehr Mohammudi (Iran) dan Dr Mahadi J. Murad (Malaysia). Pembentangan itu dipengerusikan oleh Dr Anuar Nor Arai dari Malaysia.

Perbincangan panel yang bertajuk "Peace, Harmony, Non Violence and Non Discrimination Through Film" pula disertai Pensyarah Pusat Pengajian Media Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Madya Dr Asiah Sarji dan Somkait Vithuranich (Thailand).

-- BERNAMA

KK LIB KHY ROS